



15 APR, 2024

Siemens Energy komited sokong inisiatif tenaga hijau

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Siemens Energy komited sokong inisiatif tenaga hijau

KUALA LUMPUR - Penggerak tenaga boleh baharu (TBB) Jerman, Siemens Energy komited untuk menjadi rakan tenaga Malaysia dalam membolehkan teknologi hidrogen dan infrastruktur grid.

Perkara itu adalah seiring dengan lawatan ke ibu pejabatnya di Jerman baru-baru ini oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menunjukkan minat mendalam terhadap sistem hidrogen dan grid.

Pengarah Urusan Siemens Energy Malaysia, Azli Mohamed berkata, syarikat itu bekerjasama rapat dengan Tenaga Nasional Bhd dalam bidang pengeluaran hidrogen dan penggunaannya untuk pembakaran bersama di loji jana kuasa terma.

Syarikat itu juga bekerjasama dengan Petroliaam Nasional Bhd (Petronas) dan cabang tenaga bersihnya, Gentari Sdn Bhd untuk meneroka peluang dalam rantaian nilai hidrogen.

"Kita perlu memastikan kesediaan grid untuk penggunaan boleh baharu sekali gus memberi jaminan bekalan tenaga boleh dipercayai dan terjamin untuk rakyat Malaysia," katanya. - *Bernama*